



Bil : 8 / 2026
no. ISSN 1985 7624

buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

OGOS
2026

ISSN 1985 - 7624



SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Nuzulnisa binti Barudin @ Kamarudin

KETUA PENGARANG

Encik Muhammad Fazlizan bin Abd Ghani

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mazli bin Che Mamat

Puan Nur Fatimah binti Amran

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu



© 2025 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan, ulangkan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.



www.trglib.gov.my



[PPATerengganu](https://www.facebook.com/PPATerengganu)



[@PPATerengganu](https://twitter.com/PPATerengganu)



[PPAT TV](https://www.youtube.com/PPATV)



[PPATerengganu](https://www.soundcloud.com/PPATerengganu)



[terengganulibrary](https://www.instagram.com/terengganulibrary)

info umum

SELAMAT BERSARA KEPADA ENCIK MOKHTAR BIN JUSOH

Seluruh warga Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan Selamat Bersara kepada Encik Mokhtar bin Jusoh, yang telah menamatkan perkhidmatan secara wajib pada 23 Ogos 2025.

Encik Mokhtar telah memulakan khidmat dalam dunia perpustakaan pada 1 Disember 2003 sebagai Pembantu Perpustakaan secara sementara. Berkat dedikasi dan komitmen yang tinggi, beliau telah dilantik ke jawatan tetap pada 1 Jun 2006, dan terus berkhidmat dengan cemerlang sehingga menamatkan perkhidmatan sebagai Pembantu Pustakawan Kanan.

Sepanjang lebih 22 tahun perkhidmatan, Encik Mokhtar telah menabur bakti dengan penuh dedikasi, menyumbangkan tenaga, ilmu dan masa dalam memperkasa peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu, maklumat dan pembelajaran masyarakat. Atas usaha gigih dan sumbangan cemerlang beliau, Encik Mokhtar telah diberi pengiktirafan melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2025.

Semangat beliau dalam menjalankan amanah amat dihargai dan akan sentiasa dikenang oleh seluruh warga PPAT. Keperibadian beliau yang mesra, rajin dan berdedikasi akan terus menjadi inspirasi kepada rakan setugas.

Kami mendoakan agar Encik Mokhtar sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, diberikan perlindungan oleh Allah SWT, dimurahkan rezeki dan dikurniakan kebahagiaan bersama keluarga tercinta.

Selamat menjalani kehidupan baharu yang lebih bermakna. Terima kasih atas segala jasa, khidmat dan pengorbanan selama ini.



sorotan

KEM KEPIMPINAN & PENGURUSAN ASAS PENGAWAS PUSAT SUMBER

4 Ogos 2025, Isnin | Perpustakaan Awam Daerah Dungun telah menganjurkan Kem Kepimpinan & Pengurusan Asas Pengawas Pusat Sumber melibatkan seramai 43 orang peserta termasuk guru pengiring dari Sekolah Kebangsaan Gong Pasir. Program berlangsung dari jam 7.45 pagi hingga 2.30 petang dengan pengisian yang dirangka khusus bagi memperkukuh kemahiran kepimpinan serta kompetensi asas pengurusan pusat sumber sekolah.

Antara pengisian utama kursus termasuk :

1. Ice Breaking bagi membina kerjasama dan keserasian peserta.

2. Lawatan ke Perpustakaan Awam Daerah Dungun untuk memberi pendedahan kepada operasi perpustakaan.

3. Ceramah Kepimpinan: Peranan Pengawas Pusat Sumber.

4. Pengkelasan Sumber Perpustakaan

5. Teknik Pemprosesan Buku

6. Aktiviti Book Hunt sebagai latihan praktikal berorientasikan pembelajaran interaktif.

Majlis turut diserikan dengan sesi menandatangani jalinan kerjasama rasmi antara PAD Dungun dan SK Gong Pasir, diwakili oleh Guru Besar, Puan Hajjah Norlizai binti Awang Abdul Aziz. Usaha ini dijangka memperkukuh hubungan strategik antara kedua-dua pihak khususnya dalam aspek pembangunan literasi, sokongan pendidikan dan aktiviti berkaitan pusat sumber sekolah.

Pihak PAD Dungun merakamkan penghargaan kepada semua peserta, guru pengiring dan fasilitator yang terlibat sepanjang program berlangsung. Diharapkan ilmu, pengalaman dan perkongsian yang diterima dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Pengawas Pusat Sumber.

PAD Dungun komited untuk meneruskan program seumpama ini pada masa hadapan demi memperkasa generasi pembaca dan menyokong usaha pembangunan literasi di peringkat sekolah.

- PAD Dungun



SOLAT HAJAT DAN DOA MUNAJAT PPAT : MOHON KELANCARAN URUSAN, KUKUHKAN AZAM BERSAMA

7 Ogos 2025, Khamis | Dalam usaha memohon keberkatan dan kelancaran terhadap pelbagai urusan jabatan yang sedang dan bakal dilaksanakan, satu Majlis Solat Hajat dan Doa Munajat telah diadakan pagi ini, bertempat di Dewan Serbaguna PPAT. Majlis yang bermula pada jam 8.15 pagi itu disertai oleh warga kerja PPAT dalam suasana penuh keinsafan dan kebersamaan.

Majlis ini membawa tujuan yang besar mengangkat doa kepada Allah SWT agar segala perancangan dan pelaksanaan program PPAT berjalan lancar serta dipermudahkan. Antara harapan yang dizahirkan bersama adalah kelangsungan Pesta Buku SMO@KTCC 2025 yang akan berlangsung dalam waktu terdekat, keselamatan dan pencapaian cemerlang pasukan PPAT yang akan bertanding dan membuat pameran di Program Night At Library di Sabah serta kelancaran pelaksanaan pameran U-Pustaka Zon Timur yang amat dinanti-nantikan.

Majlis ini turut menjadi medan untuk sama-sama bermunajat agar segala bentuk usaha kolaborasi bersama agensi-agensi luar dapat diteruskan secara lebih mantap demi kemajuan PPAT. Dalam masa yang sama, turut didoakan agar semua warga kerja dilindungi daripada sebarang bentuk gangguan zahir dan batin selain memohon kekuatan dan petunjuk dalam mengurus jabatan dengan penuh integriti dan kebijaksanaan. Semoga apa sahaja kerja yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik, dalam suasana kerja yang harmoni dan saling memperkukuh antara satu sama lain.

Lebih penting lagi, warga PPAT bersama-sama mengangkat doa khusus buat Pengarah PPAT, Puan Nuzulnisa serta keluarga agar sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah SWT, serta diberikan kekuatan dalam menerajui jabatan dengan penuh dedikasi dan iltizam. Doa juga dipanjatkan untuk seluruh warga perpustakaan agar sentiasa berada dalam rahmat dan lindungan Allah SWT.

Dalam ucapan ringkasnya, Puan Nuzulnisa turut menyeru seluruh warga kerja PPAT agar terus bersatu hati, menetapkan integriti dalam setiap tindakan, dan bersedia melakukan penyesuaian serta sedikit perubahan dalam pendekatan kerja agar PPAT mampu beradaptasi dengan perkembangan semasa. Katanya, segala yang telah dibina bersama selama ini perlu diteruskan dengan lebih bijaksana, demi memastikan keberkesanan gerak kerja terus relevan dan berimpak tinggi.

Dengan penuh harapan dan tekad yang diperbaharui, warga PPAT terus melangkah ke hadapan dengan semangat satu pasukan, menuju kecemerlangan yang diredhai.



sorotan

BOOKS ON BROADWAY NIGHT@LIBRARY

9 Ogos 2025, Jumaat | Seramai tujuh orang kakitangan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah terlibat dalam Pameran dan Pertandingan *Books on Broadway* sempena program *Night@Library* bersempena Minggu Perpustakaan 2025 yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negeri Sabah pada 9 ogos 2025. Program ini bertujuan memberikan ruang kepada perpustakaan mempamerkan kreativiti dalam mempromosikan koleksi, perkhidmatan dan bahan bacaan melalui pendekatan persembahan visual serta dramatik berasaskan buku-buku terpilih.

Dalam kategori Pertandingan Lakonan Muzikal, PPAT telah mempersembahkan naskhah berjudul "Lubuk Mati Bertiga" yang dilakonan oleh empat orang kakitangan terpilih daripada Kelab KEPUTRA (Kelab Kesenian Perpustakaan Awam Terengganu). Penyertaan ini merupakan salah satu usaha mencungkil bakat dalaman warga PPAT di samping mengangkat elemen cerita rakyat dalam bentuk seni persembahan. Alhamdulillah, PPAT telah berjaya meraih Naib Johan dalam pertandingan tersebut.



Sementara itu, bagi segmen pameran PPAT telah mengetengahkan pelbagai pengisian termasuk pameran perkhidmatan perpustakaan, jualan buku, aktiviti galakan penggunaan perpustakaan serta jualan produk tempatan seperti batik.

Diharapkan pencapaian ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus melibatkan diri dalam program-program seumpama ini pada masa hadapan, sekali gus mengangkat nama PPAT ke peringkat yang lebih tinggi.

sorotan

PROGRAM TEMASYA TRANUNG KITER 2025 (TEGAK) "SOHOR SOKMO WEH"

8 - 10 Ogos 2025, Jumaat - Ahad | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu telah bersama-sama menyertai program Temasya Tranung Kite 2025 (TEGAK 2025) dengan tema "Sohor Sokmo Weh" dalam mengangkat warisan Terengganu "Emping Warisan, Silat Perjuangan", sebagai platform untuk memperkasakan nilai-nilai budaya tradisional seperti pembuatan emping, permainan layang-layang, persembahan silat, serta pelbagai aktiviti rakyat yang semakin terhakis ditelan zaman. Kali ini acara ikonik Terengganu ini telah diadakan di lokasi penuh bersejarah dan strategik di Pulau Warisan, Kuala Terengganu. Acara ini bukan sahaja menampilkan seni dan budaya negeri, malah menggabungkan elemen hiburan, tradisi, permainan rakyat dan juga gaya hidup moden.



Penyertaan PPAT dalam program ini bertujuan untuk memperkenalkan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak PPAT dalam menyediakan akses bahan bacaan dan maklumat kepada komuniti luar bandar bagi menyokong pendidikan, meningkatkan literasi serta memperkukuh budaya membaca kepada masyarakat dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Melalui penyertaan ini, pihak perpustakaan telah mengadakan pameran perkhidmatan seperti berikut :

- Pendaftaran Keahlian
- Pameran dan Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak
- Kuiz & aktiviti interaktif bersama pengunjung

PPAT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pengunjung yang sudi singgah khususnya semua agensi kerajaan dan swasta, Kerajaan Negeri Terengganu, NGO, badan bukan kerajaan seni budaya serta individu perseorangan yang telah memberikan sokongan, kerjasama dan komitmen di booth kami! Kehadiran dan sokongan anda menyemarakkan lagi semangat kebersamaan dalam usaha memperkukuh budaya ilmu dalam kalangan masyarakat serta memperkasa peranan perpustakaan sebagai pemangkin perpaduan melalui pengisian ilmiah, kebudayaan, kesukarelawan dan kemasyarakatan.



sorotan

LAWATAN DAN TAKLIMAT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN PPAT

19 Ogos 2025, Selasa | Seramai 128 orang pelajar dari SRIDI Seberang Takir telah mengadakan lawatan dan menyertai taklimat Perkhidmatan Perpustakaan PPAT serta u-Pustaka. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada murid tentang kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT), di samping menggalakkan budaya membaca dan penggunaan teknologi maklumat melalui platform u-Pustaka. Sepanjang program, para peserta diberi penerangan berkaitan peranan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan rujukan masyarakat.



Selain sesi taklimat, pihak perpustakaan turut menyediakan pelbagai aktiviti interaktif dan menyeronokkan untuk para pelajar. Antara aktiviti yang dijalankan ialah 'Jumbo Puzzle,' 'Boxing Robot' dan 'Giant Snakes and Ladders'. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja memberi hiburan, malah membantu mengasah kemahiran berfikir, kreativiti serta kerjasama dalam kalangan murid.

Secara keseluruhannya, lawatan ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang sangat baik daripada semua peserta. Program ini diharapkan dapat menanamkan minat membaca, memupuk rasa cinta terhadap ilmu, serta meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perpustakaan sebagai sumber rujukan dan pembelajaran sepanjang hayat.



LAWATAN TABIKA KEMAS DUN BUKIT PAYONG KE PPAT

21 Ogos 2025, Khamis | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menerima kunjungan seramai 73 orang kanak-kanak bersama 6 orang guru pengiring dari Tabika KEMAS Dun Bukit Payong.

Kunjungan dimulakan dengan sesi taklimat ringkas mengenai perkhidmatan yang disediakan di Bahagian Kanak-kanak, diikuti dengan program explorace yang direka khusus untuk memberikan pengalaman pembelajaran menyeronokkan (fun learning).

Para peserta telah dibahagikan kepada 10 kumpulan kecil dan diberi peluang menyertai pelbagai aktiviti permainan dan pembelajaran di beberapa checkpoint, termasuklah :

- 1.Sepak Bola
- 2.Lari dalam guni
- 3.Membawa bola dalam sudu
- 4.Lempar gelung ke kon
- 5.Aktiviti mengenal huruf, perkataan dan nombor



Selesai aktiviti, peserta dibawa melawat Bahagian Kanak-kanak dan Zon Interaktif. Kesempatan ini turut digunakan untuk mendaftar sebagai ahli perpustakaan dan menerima Kad Ilmu secara percuma, membolehkan mereka meminjam buku dan mengakses pelbagai sumber ilmu di PPAT pada masa akan datang.

PPAT mengucapkan terima kasih atas kunjungan yang penuh ceria ini dan menjemput semua untuk kembali pada masa hadapan bagi meneruskan pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan bermanfaat.

sorotan

PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KALI KE-68 PPAT

23 Ogos 2025, Sabtu | Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-68, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan satu program istimewa yang berjaya menghimpunkan pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana penuh semangat patriotik bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

Aktiviti utama yang telah berlangsung ialah :

1. Pertandingan Melukis & Mewarna Poster Sekeluarga bertemakan "Wira Negara"
2. Pertandingan Deklamasikan Sajak Merdeka bertemakan "Kemerdekaan"

Pertandingan ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada masyarakat setempat. Seramai 23 keluarga telah mengambil bahagian dalam pertandingan melukis dan mewarna poster, yang bukan sahaja menonjolkan kreativiti peserta pelbagai peringkat umur, malah mengeratkan hubungan kekeluargaan melalui aktiviti yang santai dan menyeronokkan. Manakala bagi pertandingan mendeklamasikan sajak pula, seramai 11 orang peserta tampil dengan penuh semangat dan penghayatan, menyampaikan karya-karya bermakna yang membangkitkan semangat patriotisme dan kecintaan terhadap tanah air.



Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memupuk semangat cinta akan negara dalam kalangan masyarakat, menerapkan nilai-nilai patriotisme melalui seni dan ekspresi kreatif serta menjadikan perpustakaan sebagai pusat komuniti yang aktif, inklusif serta mesra keluarga. Pemenang bagi setiap kategori telah menerima hadiah wang tunai menarik sebagai penghargaan kepada usaha, semangat, dan kreativiti yang ditonjolkan.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) turut mengadakan taklimat tentang kepentingan simpanan PTPTN kepada peserta dan membuka meja untuk pendaftaran simpanan.

Tahniah dan terima kasih kepada semua peserta, ibu bapa, dan warga komuniti yang turut serta memeriahkan program ini. Semoga semangat patriotik terus subur dalam jiwa setiap rakyat Malaysia!



sorotan

MERDEKA FUN WALK SEMARAKKAN PROGRAM SEMARAK AMBANG MERDEKA 2025 DI PAD DUNGUN

23 Ogos 2025, Sabtu | Perpustakaan Awam Daerah (PAD) Dungun dengan kerjasama JPKK Tembesu Akar, JPKK Alur Tembesu, JPKK Sura Gate dan JPKK Teluk Lipat telah berjaya menganjurkan Merdeka Fun Walk bersempena Program Semarak Ambang Merdeka 2025 bertempat di kawasan Perpustakaan Awam Daerah Dungun.

Acara pelepasan Merdeka Fun Walk 2025 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dr. Tengku Muhammad Fakhruddin bin Haji Tengku Muhammad Fauzi, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sura. Program ini menerima penyertaan lebih 300 orang peserta, yang berjalan sejauh 3.5 kilometer sambil mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh semangat patriotisme serta mengenakan pakaian bertemakan kemerdekaan.



Penganjuran program ini bukan sahaja menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan, malah berperanan mengukuhkan hubungan komuniti melalui aktiviti sihat dan berunsurkan perpaduan. Kehadiran serta penyertaan aktif masyarakat setempat mencerminkan semangat kebersamaan dalam meraikan ulang tahun kemerdekaan negara.



Pihak PAD Dungun merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peserta, agensi rakan kerjasama dan sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga nilai patriotisme dan kecintaan kepada negara terus subur dalam kalangan komuniti setempat. - PAD Dungun



sorotan

WACANA SEJARAH TOKOH : TOK SHEIKH DUYONG DAN SHEIKH ABDUL QADIR BUKIT BAYAS

24 Ogos 2025, Ahad | Satu program ilmiah bertajuk "Wacana Sejarah Tokoh: Tok Sheikh Duyong dan Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas" telah berjaya dianjurkan bertempat di Dewan Teater, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT).

Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu iaitu Puan Nuzulnisa Binti Barudin @ Kamarudin dengan kehadiran 200 orang peserta, terdiri daripada warga kerja PPAT serta wakil-wakil daripada agensi kerajaan yang lain.

Wacana ini menampilkan Prof. Dr. Uzaimah binti Ghani sebagai moderator, manakala Dr. Mohd Fadli bin Ghani dan YB Dr. Riduan bin Mohammad Nor telah dijemput sebagai pengulas yang membicarakan tentang peranan dan sumbangan besar dua tokoh ulama tersohor Terengganu, iaitu Tok Sheikh Duyong dan Sheikh Abdul Qadir Bukit Bayas dalam perkembangan ilmu dan pendidikan di negeri ini suatu ketika dahulu.



Program turut diserikan dengan persembahan teater oleh Kelab Kesenian Perpustakaan Awam Terengganu (KEPUTRA) yang mengetengahkan elemen sejarah dalam bentuk persembahan kreatif, sekaligus berjaya memikat perhatian para hadirin.



Acara diakhiri dengan sesi soal jawab bersama hadirin, yang memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan ahli panel serta mendapatkan penjelasan lebih mendalam berkaitan tokoh-tokoh yang dibincangkan.

Secara keseluruhan, program ini berjaya mencapai matlamat utamanya iaitu untuk menelusuri sejarah, memperingati jasa tokoh ulama terdahulu serta menyemai rasa cinta terhadap warisan ilmu dalam kalangan masyarakat masa kini.



sorotan

BENKEL EKSPLORASI DIGITAL @ U-PUSTAKA ZON TIMUR

26 - 27 Ogos 2025, Selasa - Rabu | Bengkel Eksplorasi Digital @ u-Pustaka Zon Timur telah berlangsung di Bilik Seminar, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu. Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.



Bengkel ini telah menghimpunkan seramai 50 orang peserta dari negeri Terengganu, Pahang dan Kelantan, yang terdiri daripada kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang serta wakil institusi pengajian tinggi iaitu UiTM Terengganu, Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Sultan Zainal Abidin, Universiti Malaysia Kelantan dan Politeknik Terengganu.



Bengkel ini menampilkan penceramah daripada pangkalan data u-Pustaka seperti MyGuru, Me Books, BLIS, Ookbee, Odilo dan J-Gate, yang berkongsi pengetahuan serta panduan penggunaan sumber digital tersebut bagi memperkaya pengalaman pembelajaran dan penyelidikan.

Melalui penganjuran bengkel ini, para peserta berpeluang meningkatkan kemahiran akses maklumat digital, di samping memperkukuh kerjasama antara perpustakaan dan institusi pengajian tinggi di Zon Timur. Diharapkan program ini dapat menjadi pemangkin kepada pembudayaan ilmu serta memperluas penggunaan perkhidmatan u-Pustaka dalam kalangan masyarakat.



sorotan

EKSPLORASI DIGITAL @PPAT MERIAHKAN PESTA BUKU SMO BOOKSTORES DI KTCC MALL

29 Ogos - 6 September 2025,
Jumaat - Sabtu | Perbadanan
Perpustakaan Awam Terengganu
(PPAT) tampil dengan reruai
Eksplorasi Digital @PPAT sempena
Pesta Buku SMO Bookstores yang
berlangsung di KTCC Mall, Kuala
Terengganu.

Reruai Eksplorasi Digital @PPAT
mengetengahkan perubahan
landskap dunia ilmu dalam era
teknologi. Pelbagai aktiviti dan
bahan digital diperkenalkan kepada
pengunjung bagi memupuk minat
membaca secara lebih interaktif dan
moden.

Antara pengisian utama yang menanti pengunjung ialah:

1. Kaunter Perkhidmatan PPAT: maklumat terkini mengenai perkhidmatan perpustakaan dan pendaftaran keahlian secara atas talian.
2. Kaunter U-Pustaka
3. Kaunter Pusat Bahasa Terengganu: promosi program bahasa yang disediakan.
4. Aktiviti Realiti Maya & Permainan Digital:
VR Pico, X-Box, Boxing & Soccer Robot
3D-AR Four Season Tree@live
3D-AR Wall@live
3D-AR Colour Mat@live
5. Koleksi Buku AR & Re@Re: pengalaman membaca melalui integrasi teknologi
6. Permainan Interaktif: Smart Four, OSMO dan Tic Tac Toe



Pengunjung bukan sahaja berpeluang mengenali pelbagai perkhidmatan PPAT, malah dapat merasai pengalaman dunia digital yang menyeronokkan serta mendidik, seiring dengan hasrat perpustakaan untuk melahirkan masyarakat celik teknologi dan berbudaya ilmu.



Reruai Eksplorasi Digital @PPAT dijangka menjadi tarikan sepanjang pesta buku ini dengan penglibatan aktif golongan kanak-kanak, belia serta keluarga yang hadir ke KTCC Mall.



sorotan

PERTANDINGAN RUBIK CUBE OPEN TERENGGANU 2025

30 Ogos 2025, Sabtu | Sebagai usaha memperkasa pembudayaan ilmu dalam kalangan generasi muda, Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) melalui Bahagian Rangkaian Perpustakaan, PPAT dengan kerjasama UITM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah menganjurkan Pertandingan Rubik Cube Open Terengganu 2025 di di Aras 2, KTCC Mall Kuala Terengganu sempena Pesta Buku SMO Bookstores.

Rubik Cube bukan sekadar permainan, malah merupakan kemahiran tindak balas yang kreatif dalam merangsang daya fikir, tumpuan serta kemahiran menyelesaikan masalah secara pantas. Pertandingan ini bertujuan menyediakan platform sihat dan mencabar minda kepada pelajar serta belia, seiring dengan aspirasi PPAT untuk menggalakkan aktiviti yang sihat, pembangunan modal insan dan



Seramai 80 orang peserta telah menyertai pertandingan tersebut berdasarkan peringkat umur iaitu kategori A (7 - 9 tahun) 20 orang, Kategori B (10 - 12 tahun) 20 orang dan Kategori C-D (13 tahun ke atas) 40 orang. Dengan adanya pertandingan ini, peserta dapat mencungkil bakat dan potensi diri sebagai aktiviti intelektual yang mencabar minda, kemahiran berfikir secara logik dan kreatif dan meningkatkan daya tumpuan serta memperkukuh jaringan kerjasama antara perpustakaan, institusi pendidikan dan komuniti melalui aktiviti bersama.



Penutup daripada pertandingan tersebut, para peserta yang telah berjaya menyelesaikan permainan ini dengan pantas, telah disampaikan hadiah mengikut Kategori A oleh Dr. Kamarulzaman bin Mahmood, Ketua Bahagian Rangkaian Perpustakaan, PPAT, Kategori B oleh Pn. Noor Hafiza

3

ELEMEN TERAS PERPADUAN

Dalam usaha memperkukuh semangat cintakan negara serta memupuk nilai perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia, penghayatan terhadap elemen-elemen asas kenegaraan amat penting sebagai landasan dalam membentuk masyarakat yang harmoni, saling menghormati dan beridentiti nasional.

1. MENGHORMATI NEGARAKU

Lagu Negaraku merupakan lagu kebangsaan yang melambangkan kedaulatan, maruah dan identiti negara. Amalan berdiri tegak serta menunjukkan sikap hormat ketika lagu ini dimainkan mencerminkan rasa cinta, setia dan bangga terhadap tanah air. Penghayatan terhadap Lagu Negaraku turut menyemai semangat patriotisme serta menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan latar belakang.

2. MENGHORMATI JALUR GEMILANG

Jalur Gemilang ialah simbol rasmi kedaulatan dan kemerdekaan negara. Penghormatan terhadap bendera negara dapat dizahirkan melalui pengibaran dan penggunaan yang mematuhi tatacara yang betul. Sebagai lambang kebanggaan negara, Jalur Gemilang mencerminkan perpaduan rakyat serta semangat kebersamaan dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian negara.

3. MENGHORMATI RUKUN NEGARA

Rukun Negara merupakan falsafah kebangsaan yang menjadi panduan dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, berdisiplin dan berakhlak mulia. Penghayatan terhadap lima prinsip Rukun Negara dapat memupuk nilai tanggungjawab, hormat-menghormati serta semangat patriotisme, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.



lensa

AKTIVITI HUJUNG MINGGU

FUN TIME PAPER PIXEL SHADES

2 Ogos 2025, Sabtu | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan *Fun Time: Paper Pixel Shades* dengan penyertaan seramai 28 orang. Aktiviti ini bertujuan menggalakkan kreativiti dan kemahiran seni peserta melalui teknik kraft tangan yang menyeronokkan serta interaktif.




PLANETS PROJECT CRAFT

9 Ogos 2025, Sabtu | Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT) telah menganjurkan *Planets Project Craft* bagi warga komuniti pada hujung minggu yang lalu, dengan penyertaan seramai 31 orang.



Aktiviti ini bertujuan menggalakkan kreativiti, pembelajaran interaktif serta pemupukan minat terhadap sains dan astronomi di kalangan peserta melalui pendekatan *hands-on*.



WARISAN MARITIM YANG MENGHIDUPKAN MARANG

Pesta Candat Sotong merupakan antara produk pelancongan warisan maritim yang cukup sinonim dengan daerah Marang, Terengganu. Kedudukannya sebagai kawasan pesisir pantai yang kaya dengan hasil laut menjadikan Marang terkenal sebagai destinasi utama aktiviti mencandat sotong di Malaysia. Penghujung pesta ini bukan sahaja memperkenalkan keunikan budaya masyarakat nelayan, malah menjadi lambang identiti setempat yang mencerminkan hubungan erat antara komuniti dan kehidupan laut.

Setiap kali musim sotong bermula sekitar April hingga Ogos, Marang menjadi tumpuan pelancong dari pelbagai negeri. Jeti-jeti utama dipenuhi bot nelayan dan bot pelancongan yang menawarkan pengalaman mencandat sotong pada waktu malam. Suasana laut yang tenang bersama pancaran lampu bot yang menerangi permukaan air mencipta pemandangan yang indah serta memberikan pengalaman rekreasi yang unik, santai dan penuh nilai tradisi.

Keistimewaan pesta ini terletak pada pengalaman autentik yang membolehkan pengunjung mencuba sendiri teknik mencandat sotong dengan bimbingan nelayan tempatan yang berpengalaman.

Pesta Candat Sotong




Oleh :

Encik Mohamad Nor Aladin bin Hussin
Penolong Pustakawan
Perpustakaan Awam Daerah Marang



Selain itu, hasil tangkapan yang segar boleh dinikmati secara terus di atas bot, sekali gus menambahkan daya tarikan gastronomi yang istimewa. Aktiviti ini bukan sahaja memberi pengalaman baharu kepada pengunjung, malah memperkenalkan gaya hidup masyarakat pesisir pantai secara lebih dekat.

Dari sudut ekonomi dan sosial, Pesta Candat Sotong memberi manfaat besar kepada komuniti setempat melalui peningkatan pendapatan pengusaha bot, nelayan, peniaga kecil serta pengusaha inap desa. Pada masa yang sama, penganjuran ini membantu memelihara warisan budaya maritim dan mempromosikan Marang sebagai destinasi pelancongan berasaskan komuniti yang berdaya saing. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak, pesta ini mampu terus berkembang sebagai aset pelancongan utama negeri Terengganu.



lensa

AKTIVITI KELAS BAHASA HUJUNG MINGGU



9, 16, 23 dan 30 Ogos 2025 (Setiap Hari Sabtu) | Pusat Bahasa Terengganu (PBT) meneruskan penganjuran Program Berkala: Program Hujung Minggu sepanjang Ogos dengan fokus kepada pengisian Bahasa Arab. Program ini sesuai untuk seisi keluarga meluangkan masa bersama pada hujung minggu dengan aktiviti yang berfaedah dan menyeronokkan dengan pelbagai pengisian yang berbeza setiap sesi program. Bertempat di Ruang Santai Bahagian Kanak-kanak, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu bermula 10:00 pagi hingga 12:00 tengah hari bagi setiap sesi.

Program ini telah dibahagikan kepada empat sesi penganjuran iaitu pada 9,16,23 dan 30 Ogos 2025 dengan pengisian menjurus kepada pengenalan asas Bahasa Arab Seperti Anggota Badan, Mengenal Warna dan buah-buahan dalam Bahasa Arab. Pengisian dan aktiviti sepanjang program ini telah dikendalikan oleh pelajar-pelajar Latihan Industri PBT dari UniSZA. - PBT




quote

**“Dan diantara istiqomah terberat
adalah menjaga hati untuk tidak
merasa lebih baik dari orang**

**Betapa aku cemburu, pada orang
yang pandai menyembunyikan
kebaikannya. Dunia Tak
Melihatnya, namun Syurga
Merindukannya”**

Uwais al Qarni



buletin salam

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2025 Hak Cipta Terpelihara



<https://trglib.gov.my>

